



**PANDUAN MENGISI BORANG PERMOHONAN OMR – LPK1 BAGI MENDUDUKI  
PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN (PTK)  
DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)**

**A. PERINGATAN KEPADA CALON (seperti tertera di Bahagian F: AKUAN CALON).**

- (i) Calon perlu mengakui bahawa semua keterangan yang diberi adalah benar;
- (ii) Calon perlu mengakui layak memohon menduduki PTK mengikut Skim Perkhidmatan yang dipohon;
- (iii) Calon perlu mengakui urusetia akan menolak permohonan tersebut jika didapati borang yang dikemukakan tidak lengkap / tersilap atau lewat diterima;
- (iv) Calon perlu mengakui jika keterangan yang diberi tidak benar / tidak layak tetapi masih menduduki PTK ini, keputusan yang diperolehi adalah terbatal dengan sendirinya;
- (v) Calon bersetuju dengan syarat dan peraturan yang ditetapkan bagi PTK tersebut.

**B. BORANG PERMOHONAN YANG LENGKAP ADALAH SEPERTI BERIKUT :**

- (i) **Semua maklumat** yang wajib dilengkapkan diisi dalam kotak yang disediakan ;
- (ii) bulatan dihitamkan menggunakan pensel 2B mengikut maklumat yang di lengkapkan dalam kotak seperti di (i) di atas ;
- (iii) semua maklumat diberikan adalah benar dan tepat.
- (iv) Pengisian maklumat terutamanya kod skim perkhidmatan adalah berdasarkan panduan yang telah ditetapkan di dalam borang permohonan; dan

(v) permohonan diperakukan oleh Ketua Jabatan.

**C. BAHAGIAN YANG WAJIB DILENGKAPKAN :**

(1) **NAMA CALON**

(2) **NO. KAD PENGENALAN BARU**

(3) **JANTINA**

(4) **GRED JAWATAN HAKIKI (BUKAN MEMANGKU) – Rujuk Contoh 5 di m/s 8 (Perlu lengkapkan SEMUA KOTAK)**

Contoh : Calon Gred U29 memangku Gred U32. Isikan Gred Jawatan Hakiki U29

Calon Gred Tunggal : U3, **ISIKAN U03,**  
**BUKAN U3**

U
0
3

(5) **KOD SKIM PERKHIDMATAN- Rujuk Panduan Kod Skim Perkhidmatan di m/s 6**

Contoh : Jururawat Terlatih **semua gred** : (SN), **BUKAN** (KJ) atau (JT)

(6) **PERINGKAT GAJI – Rujuk Contoh di m/s 8 (Perlu lengkapkan SEMUA KOTAK)**

Contoh : P1T7, **ISIKAN P1T07, BUKAN P1T7**

P	1
T	0
	7

(7) **TARIKH LANTIKAN KE SKIM PERKHIDMATAN SEKARANG**

- Tarikh calon mula bertugas di dalam Perkhidmatan Awam ;

- Bagi calon yang ditukar lantik ke skim perkhidmatan lain melalui pelepasan jawatan dengan izin, tarikh perlantikan adalah dalam skim perkhidmatan yang baru.

**(8) TARIKH SAH DALAM SKIM PERKHIDMATAN SEKARANG**

- Tarikh calon disahkan di dalam Perkhidmatan Awam
- Calon yang terlibat dengan opsyen perubahan skim perkhidmatan, tarikh pengesahan adalah tarikh pengesahan semula dalam perkhidmatan;
- Bagi calon yang ditukar lantik melalui pelepasan jawatan dengan izin, tarikh pengesahan adalah dalam skim perkhidmatan yang baru.

**(9) TARIKH SAH NAIK KE GRED SEKARANG (BUKAN DI ATAS GRED MEMANGKU) – hanya diisi oleh calon-calon yang telah disahkan dalam jawatan kenaikan pangkat sahaja.**

Contoh : Penolong Pegawai Perubatan yang telah **disahkan di dalam jawatan Gred U32, BUKAN MEMANGKU GRED U32**

**(10) ALAMAT TEMPAT BERTUGAS – Rujuk m/s 8 sebagai panduan**

**(11) PANDUAN KOD DAERAH, POSKOD DAN NEGERI – Rujuk m/s 7 sebagai panduan**

**(12) TAHAP KECEKAPAN – Rujuk Garispanduan Pelaksanaan PTK 2010**

Contoh: Pembantu Tadbir Gred N17, tangga gaji P1T17  
TK – TK1

Pembantu Tadbir Gred N17, tangga gaji P2T19  
TK – TK2

Pembantu Tadbir Gred N22, tangga gaji P1 / P2  
TK – TK3

**(13) JENIS PTK - Rujuk Garispanduan Pelaksanaan PTK 2010**

(a) Bagi kaedah **Penilaian Pemahaman** bulatkan ruangan **Peperiksaan**.

- (b) Bagi kaedah **Pusat Penilaian Kompetensi** bulatkan ruangan **Kursus**.
- (c) Bagi kaedah **Laporan Khas** bulatkan ruangan **Temuduga / Pemerhatian**.
- (14) **BUTIR-BUTIR PEPERIKSAAN PTK DAN KURSUS PTK – Rujuk kepada Takwim Peperiksaan dan Pusat Penilaian Kompetensi**
- (15) **KOD NEGERI PEPERIKSAAN DIAMBIL – negeri yang dipilih untuk menduduki PTK**
- (16) **AKUAN CALON – Perlu dilengkapkan.**
- (17) **PENGESAHAN KETUA JABATAN – Perakuan Ketua Jabatan / penjawat Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang diberi kuasa.**
- (18) Permohonan yang telah dilengkapkan perlu dikemukakan kepada Bahagian Pembangunan Kompetensi (BPK) melalui PTJ yang dipertanggungjawabkan mengikut ketetapan berikut :
- (a) Bahagian Khidmat Pengurusan**
- Bagi semua penjawat di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia
- (b) Jabatan Kesihatan Negeri**
- (c) Institusi-institusi Kesihatan**
- (d) Hospital Kuala Lumpur**
- Bagi penjawat di HKL sahaja
- (e) Jabatan / Agensi-agensi yang mempunyai penjawat KKM yang dipinjamkan ke Jabatan / agensi tersebut**
- Jawatan kader Kementerian Kesihatan Malaysia.
- (19) Bagi calon-calon Jabatan / Agensi lain (misalnya Majlis Bandaraya Pulau Pinang) yang ingin menumpang menduduki PTK di KKM, permohonan perlu dibuat melalui Lembaga Penilaian Kompetensi (LPK) Jabatan / Agensi masing-masing kepada Setiausaha Bahagian Pembangunan Kompetensi, KKM.

(20) Mulai tahun 2010, semua penjawat KKM iaitu ketua perkhidmatannya adalah Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, (termasuk skim perkhidmatan Pembantu Tadbir (P/O) dan (Kew)) **tidak dibenarkan** menduduki PTK di bawah Kementerian/Jabatan/Agensi lain **termasuk Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)**.

(21) Sebarang pertanyaan berhubung panduan ini boleh diajukan kepada:

Setiausaha Bahagian  
Bahagian Pembangunan Kompetensi  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Blok A, Jalan Cenderasari  
50590 KUALA LUMPUR  
**(u.p: Puan Zetty Zabrina binti Azrullah)**

Tel: 03-22628400

Emel: [bpk@moh.gov.my](mailto:bpk@moh.gov.my)  
[zetty@moh.gov.my](mailto:zetty@moh.gov.my)